

KUASAI PBD

TINGKATAN

KSSM

4 BAHASA MELAYU

KHAS UNTUK
GURU



Mempermudah
Pentaksiran Bilik
Darjah (PBD)



Melancarkan
Pentaksiran Formatif
dan Sumatif



Menyokong
Pembelajaran dan
Pemudahcaraan
(PdPc) Mesra Digital



Meningkatkan
Tahap Penguasaan
Murid



PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

EDISI GURU

VERSI CETAK

- » Nota
- » Praktis PBD
- » Praktis SPM
- » Nota Grafik KOMSAS
- » Pentaksiran Akhir Tahun
- » Jawapan
- » Bahan Digital

RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+



BAHAN
SOKONGAN
PdPc
EKSTRA!



Edisi Guru



Edisi Murid

EDISI GURU (versi cetak)



A Kandungan

Kandungan disertakan rujukan bahan-bahan digital sokongan dalam buku.

KANDUNGAN

Rekod Pencapaian Pentaksiran Murid	III – VI
1 Merealisasikan Impian	4
2 Insan Terdidi, Negara Sejahtera	5
3 Memetik Bintang	8
4 Melanjutkan Harapan di Bumi Berluah	11
5 Memacu Produktiviti	15
6 Dunia Pelancongan	18
7 Demi Kedamaian	22
8 Dalam Lipatan Kemangan	26
9 Sayangi Malaysiaku	27
10 Bahasa Bugar, Sastera Kekar	38
11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	34
12 Asli dan Kontemporari	37
13 Segalanya Bermula di Sini	40
14 Sihat dan Berilih Pilihanku	44
15 Angin Perubahan Membadai	47
16 Dipimpin untuk Memimpin	50



B Rekod Pentaksiran Murid

Jadual untuk catatan prestasi Tahap Penguasaan murid.

Rekod Pentaksiran Murid **Bahasa Melayu**
Tingkatan 4

Name:	Tagline:		
1 Merealisasikan Impian	Mendengar dan Berteriak	1.1.1 Mendengar memperhati senarai dan menuron fakti serta batik daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bersemangat.	
	Membaca	2.1.1 Membaca teks syarahan dan pautan dengan sebutan dan intonasi yang betul, noda yang sesuai serta keputusan yang wajar.	
	Menulis	3.1.1 Mengelabuh pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan perasaan wacana yang sesuai.	
	Aspek Seni Bahasa	4.1.1 Menghasilkan skrip drama secara berpadu dengan menggunakan peraya bahasa yang sesuai dan menarik.	
2 Insan Terdidi, Negara Sejahtera	Mendengar dan Berteriak	1.1.1 Mendengar, merangka, merapuh dan mengelabuh peraya bahasa dan makalah teknologi maklumat, teknologi klasik, teknologi dalam pelbagai sumber dengan telit dan betul.	
	Membaca	2.2.1 Membaca, mengelut pasti dan mempelajari makalah teknologi dan teknologi berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi.	
	Menulis	3.2.1 Menulis sembilan senarai peraya yang akur, dilengkapi dan diterbit dengan memperhatikan peraturan menggunakan ayat yang gramatis.	
	Aspek Tatbatshana	5.1.1 Mengelut pasti dan mengelabuh pelagu kata tertentu dengan telit mengikut konteks.	
3 Memetik Bintang	Membaca	2.3.1 Membaca dan mensimbul sebab serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan telit dan sepati.	
	Aspek Seni Bahasa	4.1.2 Memahami dan menerjemah peraya moden dan peraya tradisional dengan menyentak respon perbaik yang sesuai mengikut konteks.	



C Nota

Nota mudah dan ringkas sebagai penerangan dan pendahuluan sesuatu topik.

PRAKTIS SPM 1

PENULISAN

Karangan Respons Terhad

KUASAI/Nota Pintar

Sosai Kertas SPM 1/103/1 Bahasa Melayu Bahagian A

Kriteria

- Murid akan kuai secara ujian berlapis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad.
- Murid perlu menjawab dengan menggunakan pendekatan berdasarkan kombinasi penglibatan bahan rangrang dan teknik.
- Lazimnya, keredjat dua atau tiga jenis bahan rangrang yang meliputi tema yang sama berdasarkan makalah teknologi.
- Kombinasi kepelbagaian bahan rangrang diujui dalam Bahagian A ini sama ada gambar foto, ilustrasi, permainan, persembahan, persembahan teknologi maklumat dan komunikasi, dan makalah teknologi.
- Bahan-bahan ini perlu diaulasi. Setiap bahan perlu dimaklumkan maklud dan mesyaj yang tidak diampunkan.
- Persyaratan karangan yang perlu dituliskan adalah antara 150 hingga 200 pada perkataan.

Merkah

- 28 – 30 Cemerlang
- 22 – 25 Kepujian
- 18 – 21 Kredibel
- 15 – 19 Memuaskan
- 12 – 14 Tidak Memuaskan
- 1 – 9 Pengakuan Minimum
- Merkah penuh: 30 markah

Masa

Dalam tempoh 30 minit

Panduan Mengerjakan

- Murid hendaklah membuat arahan soalan yang diberikan dengan teliti. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada bahan-bahan rangrang yang dikemukakan.
- Analisis makalah teknologi terhad secara kritis dengan mendengar bahan rangrang bagi mendapatkan isi.
- Rancang rangka karangan dan pastikan rangka karangan anda mengindungi pendahuluan, dia iz perting, dia akhir dan kesimpulan.
- Jangan merayas semua isi yang terdapat dalam bahan rangrang. Analisis dan hatikan solusi yang sesuai dan relevan sahaja.
- Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentak maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesimpulan bahan rangrang yang diberikan.

Cadangan Mengerjakan

1. Murid hendaklah membuat arahan soalan yang diberikan dengan teliti. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada bahan-bahan rangrang yang dikemukakan.

2. Analisis makalah teknologi terhad secara kritis dengan mendengar bahan rangrang bagi mendapatkan isi.

3. Rancang rangka karangan dan pastikan rangka karangan anda mengindungi pendahuluan, dia iz perting, dia akhir dan kesimpulan.

4. Jangan merayas semua isi yang terdapat dalam bahan rangrang. Analisis dan hatikan solusi yang sesuai dan relevan sahaja.

5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentak maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesimpulan bahan rangrang yang diberikan.

Persyaratan

Persyaratan	Bahagian	Jumlah perkataan
Persyaratan 1	Pendahuluan	40
Persyaratan 2	Isi	50 – 60
Persyaratan 3	Isi	50 – 60
Persyaratan 4	Penulis	40

2. Persyaratan karangan mengindung isi dan disampaikan dengan teliti, tepat dan jelas.

3. Murid dicadangkan untuk mengelati isi dengan memberikan ayat topik, kurusah, contoh, dan perengas. Setiap perengas perlu dibaca dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosak kata yang betul, dan mempunyai kohesi bagi urasai yang hendak disampaikan.



 Praktis PBD » Pentaksiran Berterusan

TEMA
9

Sayangi Malaysiaku

Buku Teks ms. 115 - 120

Kemasar PdC Kemahiran Mendengar dan Bertutur

SP 1.5.2 Mendengar dan merulik kesedaran sudut serta membuat respon yang betul secara berhemah dan bertatausila.

Dengar dan fahami perbualan yang diperdengarkan melalui audio. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan secara lisan dengan betul, berhemah, dan bertatausila.

ABAT Mengenali

Info Track 3

Pengaruh Filem Barat terhadap Masyarakat

Praktis Extra Soalan 1

1. Mengapa filem dari luar negara menjadi pilihan masyarakat Malaysia?
— jalan cerita yang menarik, para pelakonnya yang hebat, dan skrip yang bermutu — aksi-aksi dan peristiwa dalam filem atau drama kelihatan hebat dan realistik

2. Bagaimanakah masyarakat dapat mengelakkan kesan negatif daripada filem yang dimimpin?
— memilih filem yang sesuai dengan budaya dan ajaran agama yang dianut — bijak mentafsir nilai-nilai positif yang diterapkan dalam filem-filem dan drama yang ditonton

3. Mengapa kita harus menyenongkong filem-filem antarabangsa yang padat dengan isusu-isusu kemanusiaan, kekeluaran, dan nilai-nilai murut?
— dapat membantu syarikat filem tersebut turus menghasilkan filem yang mengetengahkan isusu-isusu tersebut — memberikan pengajaran dan mendorong para penonton ke arah kebaikan

4. Apakah usaha yang boleh dilakukan untuk memperkasaan filem dan drama tempatan?
— syarikat penerbitan, syarikat penyiaran, dan pengiat seni perlu diberikan sokongan setiap masa — pihak bank dan syarikat lewangan perlu memberikan kemudahan kredit bagi membangunkan industri filem di negara ini

SP 1.5.2
KEMAHIRAN PENGARAHAN

1 2 3 4 5 6

3

- 5** **Cetus Idea** mengemukakan info tambahan dalam bentuk audio untuk membantu murid menjawab soalan dengan lebih berkesan.
 - 6** **Aktiviti PAK-21** disertakan untuk menyempurnakan PdPc.
 - 7** **Pendidikan Sivik** merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab, dan hormat-menghormati.
 - 8** **POT** (*Pelangi Online Test*) menggalakkan murid untuk membanyakkan latihan soalan objektif yang berpiawai SPM secara dalam talian. Ikon **POT** berserta *Enrolment Key* boleh didapati di halaman tertentu.




- 1 Soalan latihan formatif dirangka jelas mengikut Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) sejajar dengan halaman buku teks.
 - 2 Soalan dikriteriakan mengikut kemahiran yang terdapat dalam buku teks.
 - 3 Tahap Penguasaan (TP) murid boleh dinilai di akhir setiap halaman. Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid ialah TP1 hingga TP6.
 - 4 Bahan digital lain seperti Audio, Info, Video, dan Video Tutorial disediakan untuk meningkatkan keseronokan pembelajaran Bahasa Melayu.

		Kos Operasi dan Pemasaran	RM5 000.00
	RM40 000.00		RM34 800.00
SASARAN PASARAN			
<ul style="list-style-type: none"> Permintaan yang tinggi bukan sahaja daripada restoran makanan segera tetapi juga pengusaha makanan yang lain seperti kantin sekolah, restoran, peniaga pasar tani, dan pasar malam. Permintaan meningkat secara mendakap apabila tiba musim perayaan. Pemborong akan memborong ayam hidup di ladang yang sudah mencapai berat tertentu. Ayam yang diproses pula akan diedarkan ke pasar malam, kedai runcit, restoran, sekolah, dan arsama. 			
JANGKA MASA			
Jan – Feb 2024	Kerja-kerja baik pulih reban dan naik taraf infrastruktur		
Mac – Jun 2024	Anak-anak ayam kampung dimasukkan ke reban		
Mei – Jun 2024	Mendapatkan tempahan perbekalan ayam		
Julai 2024	Ayam kampung dewasa dan telur ayam mulia dipasarkan		

A blue cloud-shaped icon containing a white letter F.

Praktis SPM


- 1 Soalan latihan mengikut bahagian/topik ini memberikan pendedahan awal kepada murid untuk menguasai format SPM sebenar.
 - 2 Tip diberikan untuk memperkuuh pemahaman murid sebelum menjawab soalan.



The G Suite logo consists of a white letter 'G' inside a blue cloud-like shape.

Nota Grafik KOMSAS

- 1 Nota KOMSAS dalam bentuk grafik disediakan pada halaman Kandungan.



H



Pentaksiran Akhir Tahun » Pentaksiran Sumatif

Surat Soalan penilaian (dalam kod QR) yang mengikut format SPM disediakan pada halaman Kandungan.



I

Jawapan
keseluruhan
buku (**dalam
kod QR**)
disediakan
pada halaman
Kandungan.



RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

Di platform **ePelangi+**, guru yang menerima guna (*adoption*) siri Kuasai PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

1 Apakah itu EG-i ?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Kuasai PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.



Halaman Contoh EG-i

Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Cetus Idea (audio), Video, Video Tutorial, Info, Audio, PAK-21, dan Pentaksiran Akhir Tahun.

1. Kata nama am: negara
Ayat: Saya ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan nuklear di luar negara.
2. Kata nama khas: Malaysia
Ayat: Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang menjadi pilihan pelancong dari luar negara.
3. Kata ganti nama diri: kami
Ayat: "Kami akan menyertai pertandingan berbalas pantun antara Persatuan Bahasa Melayu," kata Amira kepada Harith.
4. Kata ganti nama tunjuk: ini
Ayat: "Hadiah ini daripada Siapa?" tanya adik dengan perasaan gembira.

Alat sokongan lain:

- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui **Setting**.

Klik butang **JAWAPAN** untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (**hidden**) semasa penyampaian PdPc.

2 BAHAN SOKONGAN PdPC EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform **ePelangi+** boleh dimuat turun.

Bahan pengajaran	Bahan latihan
e-RPH (Microsoft Word)	Praktis Ekstra
Edisi Guru pdf	Bank Soalan SPM
Powerpoint Interaktif	Pentaksiran Akhir Tahun
Peta Konsep	
Nota	
Modul Pendidikan Sivik	
Modul PAK-21	

Boleh dimuat turun



Bahan sokongan PdPc ekstra yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui penandaan ikon **eP+**.

CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA

PRAKTIS SPM 2

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

KUASAI Nota Pinas

eP+ Peta Konsep

Peta Konsep

Kerangka bab berwarna dalam bentuk carta.

eP+ Nota Visual

Nota Visual

Nota berwarna dalam persembahan grafik.

Kelompok Umur	Inti Vitamin C
Bayi	0 HINGGA 5 BULAN 25 mg
Bayi	6 HINGGA 11 BULAN 30 mg
Kanak-kanak	1 HINGGA 6 TAHUN 30 mg
Kanak-kanak	7 HINGGA 9 TAHUN 35 mg
Remaja	10 HINGGA 18 TAHUN 65 mg
Dewasa	70 mg
Wanita Mengandung	80 mg
Wanita Menyusu	85 mg


(Catatan: Untuk mengambil manfaatnya yang maksimal, haraplah untuk minum air bersih setiap hari.)



eP+ Praktis Ekstra

Praktis Ekstra

Latihan pengukuhan mengikut tema.



Bank Soalan SPM

Soalan berformat SPM mengikut topik

ePelangi+

Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+?

» LANGKAH 1

DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.

» LANGKAH 2

ENROLMENT

Log in ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary [Full Access]*.

Masukkan *Enrolment Key* untuk enrol.

Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.

» LANGKAH 3

AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.

* Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG-8.

EG-7

HUBUNGI WAKIL PELANGI

PERKHIDMATAN & SOKONGAN

WAKIL	KAWASAN	HP & E-MEL
Lee Choo Kean	WP, Selangor, Pahang & Pantai Timur	012-3293433 cklee@pelangibooks.com
Ken Lew Weng Hong	KL & Selangor	012-7072733 kenlew@pelangibooks.com
Too Kok Onn	KL & Selangor	012-3297633 tooko@pelangibooks.com
Woo Wen Jie	KL & Selangor	019-3482987 woowj@pelangibooks.com
Lee Choo Kean	Pahang & Terengganu	012-3293433 cklee@pelangibooks.com
Lee Choo Kean	Kelantan	012-3293433 cklee@pelangibooks.com
John Loh Chin Oui	Utara Semenanjung	012-4983343 lohco@pelangibooks.com
Eugene Wee Jing Cong	Perlis & Kedah	012-4853343 euguenewee@pelangibooks.com
Ean Jia Yee	Pulau Pinang & Kulim	012-4923343 eanjy@pelangibooks.com
Alan Hooi Wei Loon	Perak Utara	012-5230133 hooiwl@pelangibooks.com
Ben Law Wai Pein	Perak Selatan	019-6543257 benlaw@pelangibooks.com
Ray Lai Weng Huat	Selatan Semenanjung	012-7998933 laiwh@pelangibooks.com
Jeff Low Eng Keong	Negeri Sembilan & Melaka	010-2115460 lowek@pelangibooks.com
Ho Kuok Sing	Sabah & Sarawak (Sibu)	012-8889433 kuoksing@pelangibooks.com
Fong Soon Hooi	Kuching	012-8839633 fongsh@pelangibooks.com
Jason Yap Khen Vui	Sabah	012-8886133 yapkv@pelangibooks.com
Kenny Shim Kian Nam	Sabah	012-8899833 kennyshim@pelangibooks.com



GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE

Bangi

Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

Johor Bahru

66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI

service1@pelangibooks.com



PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI



Pelangibooks
Academic



Pelangibooks



Pelangibooks



Pelangibooks

KANDUNGAN

Rekod Pencapaian Pentaksiran Murid iii – vi

TEMA 1	Merealisasikan Impian	1
	  	
TEMA 2	Insan Terdidik, Negara Sejahtera	5
	  	
TEMA 3	Memetik Bintang	9
		
TEMA 4	Menjulang Harapan di Bumi Bertuah	11
	     	
TEMA 5	Memacu Produktiviti	15
	  	
TEMA 6	Dunia Pelancongan	18
	  	
TEMA 7	Demi Kedamaian	22
	  	
TEMA 8	Dalam Lipatan Kenangan	25
	  	

TEMA 9	Sayangi Malaysiaku	27
	    	
TEMA 10	Bahasa Bugar, Sastera Kekar	31
	    	
TEMA 11	Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	34
	  	
TEMA 12	Asli dan Kontemporari	37
	   	
TEMA 13	Segalanya Bermula di Sini	40
	      	
TEMA 14	Sihat dan Bersih Pilihanku	44
	   	
TEMA 15	Angin Perubahan Membadai	47
	   	
TEMA 16	Dipimpin untuk Memimpin	50
	 	

PRAKTIS SPM

PRAKTIS SPM 1

54



PENULISAN 54

Karangan Respons Terhad	54
• Kuasai Nota Pintas	54
• Panduan Menulis Karangan Respons Terhad	55
• Praktis	59
Karangan Respons Terbuka	68
• Kuasai Nota Pintas	68
• Panduan Menulis Karangan Respons Terbuka	70
• Model Karangan Lengkap	75
• Karangan Domain Awam	75
• Karangan Domain Peribadi	77
• Karangan Domain Pendidikan	78
• Karangan Domain Kerjaya	80
• Praktis	81

PRAKTIS SPM 2

89



SISTEM DAN APLIKASI BAHASA 89

• Kuasai Nota Pintas	89
• Morfologi	89
• Kuasai Nota Pintas	89
• Praktis	90
• Sintaksis	92
• Kuasai Nota Pintas	92
• Praktis	92
• Penyuntingan	94
• Kuasai Nota Pintas	94
• Praktis	95
• Bahasa Melayu Standard	98
• Kuasai Nota Pintas	98
• Praktis	99
• Peribahasa	100
• Kuasai Nota Pintas	100
• Praktis	101

Pentaksiran Akhir Tahun



<https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT4/PentaksiranAkhirTahun.pdf>

PRAKTIS SPM 3

103



PEMAHAMAN

103

• Kuasai Nota Pintas	103
• Petikan Umum	103
• Kuasai Nota Pintas	103
• Praktis	104
• Petikan Sastera	112
• Kuasai Nota Pintas	112
• Praktis	112
• Novel	121
• Kuasai Nota Pintas	121
• Praktis	121

PRAKTIS SPM 4

127




RUMUSAN

127

• Kuasai Nota Pintas	127
• Praktis	128

PRAKTIS SPM 5

138



LISAN

138

• Lisan Bertutur	138
• Kuasai Nota Pintas	138
• Praktis	140
• Bahagian A Individu	140
• Bahagian B Kumpulan	153
• Lisan Mendengar	156
• Kuasai Nota Pintas	156
• Praktis	157

Jawapan



<https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT4/Jawapan.pdf>

Nota Grafik KOMSAS



<https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/BMT4/NotaGrafikKOMSAS.pdf>

Rekod Pentaksiran Murid

Bahasa Melayu

Tingkatan 4

Nama:

Tingkatan:

Tema	Kemahiran	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan
1 Merealisasikan Impian	Mendengar dan Bertutur	1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna.	
	Membaca	2.1.1 Membaca teks syarahan dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepentasan yang wajar.	
	Menulis	3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.	
	Aspek Seni Bahasa	4.3.1 Menghasilkan skrip drama secara berpandu dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.	
2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera	Mendengar dan Bertutur	1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.	
	Membaca	2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.	
	Menulis	3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.	
	Aspek Tatabahasa	5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks.	
3 Memetik Bintang	Membaca	2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.	
	Aspek Seni Bahasa	4.1.2 Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.	

Tema	Kemahiran	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan
4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah	Membaca	2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.	
	Menulis	3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.	
	Aspek Tatabahasa	5.2.1 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata nama dengan betul mengikut konteks.	
5 Memacu Produktiviti	Mendengar dan Bertutur	1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul. 1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul.	
	Menulis	3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.	
	Aspek Seni Bahasa	4.2.1 Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.	
6 Dunia Pelancongan	Mendengar dan Bertutur	1.4.1 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara dalam perbualan santai secara bertatasusila.	
	Membaca	2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional.	
	Menulis	3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.	
7 Demi Kedamaian	Mendengar dan Bertutur	1.3.2 Mendengar, menganalisis dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul dan bermakna.	
	Membaca	2.3.2 Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.	
	Aspek Seni Bahasa	4.3.2 Menghasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila.	
8 Dalam Lipatan Kenangan	Mendengar dan Bertutur	1.5.1 Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila.	
	Menulis	3.4.4 Menulis untuk membuat kesimpulan yang lengkap dan menepati tema menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik.	

Tema	Kemahiran	Standard Pembelajaran	Tahap Pengusaan
9 Sayangi Malaysiaku	Mendengar dan Bertutur	1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila.	
	Membaca	2.3.3 Membaca dan membuat kesimpulan daripada bahan dengan betul.	
	Menulis	3.1.1 Menulis suntuk membina ayat dengan membezakan makna kata, istilah, maksud rangkai kata, dan ungkapan dengan betul mengikut konteks.	
	Aspek Tatabahasa	5.1.1 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.	
10 Bahasa Bugar, Bahasa Kekar	Mendengar dan Bertutur	1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.	
	Membaca	2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.	
	Aspek Tatabahasa	5.3.1 Mengenal pasti dan menggunakan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan betul mengikut konteks.	
11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	Membaca	2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional.	
	Menulis	3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.1 Mempersembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.	
12 Asli dan Kontemporari	Mendengar dan Bertutur	1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.	
	Menulis	3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.	
	Aspek Tatabahasa	5.2.2 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks.	

Tema	Kemahiran	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan
13 Segalanya Bermula di Sini	Mendengar dan Bertutur	1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernes dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.	
	Membaca	2.3.5 Membaca dan mengulas pandangan penulis secara rasional.	
	Menulis	3.4.3 Menulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis.	
	Aspek Tatabahasa	5.3.3 Mengenal pasti dan menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang, dan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.	
14 Sihat dan Bersih Pilihanku	Mendengar dan Bertutur	1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila. 1.8.1 Merumus isu semasa dengan kritis dan bernes secara jelas menggunakan ayat yang betul dan gramatis.	
	Menulis	3.6.1 Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.	
	Aspek Seni Bahasa	4.4.2 Mempersesembahkan syair dan pantun dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif.	
15 Angin Perubahan Membadai	Mendengar dan Bertutur	1.8.2 Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernes dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.	
	Menulis	3.6.1 Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.	
	Aspek Tatabahasa	5.3.4 Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks.	
16 Dipimpin untuk Memimpin	Mendengar dan Bertutur	1.7.2 Berunding untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.	
	Membaca	2.1.2 Membaca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.	
	Menulis	3.4.5 Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.	

SP 1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna.

Dengar rakaman perbualan dengan teliti. Kemudian, lengkapkan rajah di bawah ini dengan fakta yang betul.



Remaja lemas mandi kolam

RAWANG — Kegembiraan sekumpulan remaja lelaki mandi di kolam takungan di Bandar Country Homes semalam bertukar tragedi apabila salah seorang daripada mereka dilaporkan lemas.

Ketua Balai Bomba Rawang, Halim Abu Hassan berkata, mangsa, K Raveen Raj, 13, dilaporkan tenggelam sewaktu menyelam.

“Pihak kami menerima aduan jam 11.57 pagi dan jentera pertama tiba di tempat kejadian kira-kira 10 minit kemudian,” kata beliau.



Insiden lemas dapat dihindari



meningkatkan keyakinan
dan disiplin diri

mencegah penyakit
kardiovaskular

dasas menyelamatkan diri
dan orang lain

mempunyai
nilai komersial

menceburi bidang sukan
renang secara serius

meningkatkan
kekuatan otot

meningkatkan taraf
kesihatan

menghilangkan stres

Kepentingan Belajar Berenang

» Pendidikan Sivik: Nilai Kegembiraan

- Murid berupaya untuk menyelesaikan masalah secara rasional.





SP 2.1.1 Membaca teks syarahan dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepentasan yang wajar.

Baca teks syarahan di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai, serta kepentasan yang wajar.

Salam ukhuwah dan salam cinta nusa. Sekalung apresiasi buat barisan hakim yang erat mendakap panji keadilan, guru-guru, rakan-rakan, dan hadirin sekalian.

Malaysia merupakan sebuah negara yang merdeka, berdaulat, dan bermaruah. Kini, Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Pastinya di sebalik tirai gah Malaysia mengukir nama, ada wira yang telah melakar kejayaan gemilang membuatkan warga dunia membuka mata tentang kebolehan rakyat Malaysia. Jadi, mauduk bicara saya pada pagi ini ialah 'Wira Negara Inspirasi Pemuda'.

Hadirin sekalian,

Di Malaysia, pembangunan fizikal dapat dibuktikan dengan adanya bangunan pencakar langit dan kecanggihan teknologi. Kini, kerajaan memberikan fokus kepada pembangunan modal insan bagi melahirkan wira dalam pelbagai bidang. Persoalannya, siapakah wira yang menjadi inspirasi kepada generasi Malaysia?

Hadirin yang dihormati,

Selepas lebih separuh abad Malaysia mencapai kemerdekaan, impian menjadi realiti. Sheikh Muszaphar Shukor telah berjaya mengubah persepsi negatif masyarakat apabila beliau diiktiraf sebagai angkasawan Malaysia pertama pada tahun 2006. Beliau berjaya membuktikan rakyat Malaysia juga mampu berjaya seperti Yuri Gagarin dan Neil Armstrong. Pencapaian Sheikh Muszaphar Shukor telah menjadi inspirasi kepada golongan muda Malaysia yang mula tertarik untuk menceburi bidang aeroangkasa.

Selain itu, kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang sukan juga menjadi kebanggaan kita. Sebagai contohnya, Datuk Lee Chong Wei menjadi juara badminton dunia selama sedekad. Beliau telah membuktikan anak Malaysia mampu mengalahkan pemain dari negara kuasa besar badminton dunia. Nama seperti Eddy Chong dan Punch Gunalan juga merupakan anak Malaysia yang pernah menjadi inspirasi seluruh rakyat Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam bidang fesyen juga turut lahir permata yang sangat terkenal pada peringkat antarabangsa. Kini, kita dapat berbangga dengan kejayaan Dato' Jimmy Choo yang terkenal kerana fesyen kasut rekaannya diminati oleh golongan bangsawan seantero dunia dan pernah menjadi kasut pilihan mendiang Lady Diana. Mitos bahawa rakyat Malaysia tidak mungkin berjaya dalam bidang rekaan fesyen lebih-lebih lagi di bumi asing terpadam dengan kejayaan beliau.

Konklusinya, kita harus berbangga terhadap kejayaan wira-wira yang menjadi inspirasi. Jelas menunjukkan Malaysia juga mampu mendabik dada kerana mempunyai figura terkemuka dalam pelbagai bidang. Rakyat Malaysia diseru supaya tidak lagi menjadi katak di bawah tempurung kerana kejayaan bukan terletak pada sesuatu bangsa tetapi kejayaan terletak pada usaha dan kegigihan seseorang. Bak kata pujangga, kita harus berusaha untuk menjadi yang pertama, yang terhebat, dan yang tiada tandingnya dalam segala bidang.

Sebagai akhir ungkap bicara, kita belia harapan negara. Oleh itu, kitalah yang harus menjadi wira menginspirasikan anak watan generasi akan datang supaya lahir generasi Malaysia yang hebat dan terbilang.

Sekian terima kasih.





SP 3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Baca petikan tentang keindahan panorama di Tasmania. Kemudian, pilih satu tempat menarik di Tasmania yang ingin anda lawati dan berikan alasan anda memilih tempat tersebut sebagai destinasi percutian anda. (KBAT) Menilai

Tasmania dikenal sebagai Negeri Taman atau Pulau Inspirasi kerana alam semula jadinya yang indah, banyak pulau, dan antara Tapak Warisan Dunia UNESCO yang mengagumkan. Tasmania merupakan destinasi yang sempurna untuk melihat tarikan bandar dan wilayah yang pelbagai, semula jadi, dan buatan manusia.




Bandar bersejarah Port Arthur misalnya, antara tarikan Tasmania yang paling popular. Dari tahun 1833 hingga 1853, Port Arthur menjadi penjara yang menempatkan banduan tetapi kini dijadikan muzium yang menarik untuk dilawati.

Jika anda ke Tasmania, jangan lupa untuk singgah di Trek Three Capes. Hal ini dikatakan demikian kerana pemandangan di sini sangat menakjubkan, iaitu menggabungkan lautan biru, tebing laut yang tinggi, dan udara yang sangat menyegarkan. Selain itu, di sini juga anda dapat melihat hidupan marin seperti anjing laut dan ikan lumba-lumba.



Little Blue Lake pula asalnya tapak perlombongan. Lihatlah warna airnya yang luar biasa. Warna kebiruan yang berasal daripada kandungan mineralnya yang tinggi menjadikan Little Blue Lake umpama taman syurga di Australia.



Sekiranya saya berpeluang untuk melancong ke negara Tasmania, saya ingin sekali mengunjungi Little Blue Lake kerana saya mahu menyaksikan warna air yang kebiruan di tasik tersebut agar dapat membuat perbandingan dengan tasik yang ada di negara ini.



SP 4.3.1 Menghasilkan skrip drama secara berpandu dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.

Sambung skrip drama ini mengikut kreativiti masing-masing dengan memastikan cerita berakhir dengan elemen positif. (KBAT) Menilai/ Mencipta

Aliff: Hari ini kita hendak buat berapa set larian?

Afira: Dua sahaja sudahlah. Penatlah, hari-hari Encik Khatib meminta kita melakukan perkara yang sama. Aku lebih teruja belajar teknik larian pula.

Haziq: Wah, cik adik manis, sejak kebelakangan ini sudah pandai merungut, mengelat, dan mencuba untuk menghasut pula!

Harresh: Haziq, sarang tebuan jangan dijolok. Afira itu panas baran orangnya. Nanti tidak semena-mena dibukanya aksi karate-do, melambung engkau ke tepi padang.

[Aliff dan Haziq tersenyum mendengar kata-kata Harresh, jaguh 1500 meter sekolah.]

Afira: Ah, kamu bertiga memang suka mengusik aku! Mentang-mentanglah aku seorang saja perempuan.

Aliff: Sabarlah, Afira. Harresh bergurau sahaja tu. Apakah masalah engkau sebenarnya, Afira? Bukanlah dulu engkau yang paling bersemangat? Mana keazaman engkau untuk mengekalkan kejuaraan dalam acara 100 meter pada peringkat MSSM?

Haziq: Aku bersetuju dengan Aliff. Engkau bukan Afira yang aku kenal. Afira yang komited dalam latihan dan pelari digeruni di trek balapan.

Harresh: Kami kawan engkau. Sudah hampir empat tahun kita berlatih bersama-sama, macam-macam cabaran yang sudah kita tempuh. Engkau boleh ceritakan kepada kami, manalah tahu kami dapat membantu atau setidak-tidaknya kuranglah sedikit tekanan yang engkau alami selepas meluahkan diri. [Harresh yang suka berjenaka, berhati-hati menyusun kata-kata kerana bimbang menerima hamburan kata-kata kemarahan daripada Afira.]

Haziq: Kita harus bersyukur, Afira. Ibu bapa kita sentiasa memberikan dorongan dan nasihat.

Guru-guru dan rakan-rakan juga mengambil berat. Janganjadikan latihan ini sebagai tekanan.

Aliff: Pada pendapat aku, engkau perlu merancang masa dengan baik. Dapatkan tidur yang cukup. Ketika di kelas, tumpukan perhatian semasa guru mengajar. Ketika di padang, berjuanglah seperti engkau satu-satunya pelari wanita yang bakal menandingi catatan masa Usain Bolt.

Harresh: Cubalah belajar secara berkumpulan. Mungkin dapat membantu engkau menyiapkan tugas dengan lebih cepat, tetapi pastikan segala perbincangan terkawal. Jangan pula menjadi sesi membawang. [Sambil membuat gaya lelaki berperwatakan lembut]

[Aliff, Haziq, dan Afira tertawa apabila melihat gaya percakapan Harresh. Terpancar sinar di mata Afira.]

Encik Khatib: Kamu semua ni nak berlatih atau hendak bergosip? Fokus! Fokus! Kepantasan senjata setiap pelari.

[Suara tegas jurulatih memecah keheningan petang, membuatkan mereka bingkas berdiri dan segera menyusun skitel untuk latihan kecergasan yang seterusnya.]

Afira: [Sambil menyusun skitel] Kawan-kawan, terima kasih. Jangan menangis kalau kalah larian dengan aku sekejap lagi. [Sambil segera berlari ke garisan permulaan.]

[Rakan-rakan yang lain melemparkan senyuman sambil berkata, "Ratu Pecut SSN Selangor sudah kembali."]

KUASAI
PBD

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

SP 1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.

Dengar petikan yang dibaca oleh rakan anda. Kenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang berhuruf tebal dengan jelas dan betul.

Kacang pistasio mengandungi sumber protein, **antioksidan**, dan serat yang sangat baik. Kandungan vitamin B6 yang terkandung dalam kacang pistasio mampu meningkatkan kadar penghasilan **hemoglobin** dalam darah. Oleh itu, peredaran darah dan **oksigen** dapat dibekalkan ke seluruh anggota badan termasuk otak. Hasilnya, minda seseorang mampu memberikan tumpuan dengan baik dan lebih **fokus**. Selain kacang pistasio, banyak lagi makanan berkhasiat untuk kesihatan minda, antaranya ialah telur. Telur kaya dengan protein yang sangat baik untuk kecerdasan. Selain itu, kuning telur juga terbukti mengandungi **kolina** yang dapat membantu perkembangan memori. Madu lebah pula kaya dengan **fruktosa**, iaitu gula ringkas yang boleh diserap terus ke dalam darah untuk memberikan tenaga. Para penyelidik menggelar madu sebagai **agen** mencerdaskan otak.



Di samping itu, buah **strawberi**, **beri biru**, dan **beri merah** memiliki kandungan antioksidan dengan kadar yang tinggi serta vitamin C. **Ekstrak** buah-buahan ini dapat membantu untuk memperbaik fungsi daya ingatan. Ikan salmon pula merupakan jenis ikan yang memang sudah tidak perlu diragukan manfaatnya untuk otak. Kandungan asid lemak **omega-3** dan **asid eikosapentanoat** (EPA) memiliki manfaat penting untuk pertumbuhan dan perkembangan fungsi otak.



» Bestari Kata

- **antioksidan** – bahan yang dapat melambatkan proses pengoksidaan
- **fruktosa** – gula yang terdapat dalam madu dan buah-buahan
- **agen** – sesuatu yang menyebabkan berlakunya tindak balas
- **ekstrak** – keluaran bahan tertentu daripada sesuatu bahan tumbuhan, haiwan, dan sebagainya



Nota Visual
Dos Harian Vitamin C





SP 2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer.

Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan rajah yang berikut dengan maklumat yang betul. (KBAT) Menganalisis

Beijing Foreign Studies University (BFSU) merupakan universiti terawal di China yang menawarkan jurusan pengajian Melayu pada peringkat ijazah sarjana muda. Lulusan pengajian Melayu BFSU sebahagiannya menjadi pegawai diplomatik, jurubahasa, penyiar di Bahagian Bahasa Melayu Radio Antarabangsa China, wartawan agensi berita Xinhua, pegawai di pelbagai syarikat China di alam Melayu, pemandu pelancong, dan pegawai bank termasuk Bank of China di Kuala Lumpur.

Warga China, Zhang Xian atau dikenali dengan nama Melayu, Melor dapat bertutur bahasa Melayu dengan fasih. Melor bertugas sebagai penterjemah bahasa Melayu di China Radio International, Beijing dan menjadi Felo Tamu selama 10 bulan di ATMA UKM. Melor sering berkongsi maklumat mengenai perkembangan bahasa Melayu dan budaya Melayu di BFSU serta pengalaman mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Hal ini jelas menunjukkan nilai bahasa Melayu memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat China yang mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar, sama ada di dalam negara China maupun di luar negara China.

Bahasa Melayu terus berkembang maju melalui persidangan antarabangsa dalam bahasa Melayu yang diadakan di negara China, penerbitan ribuan buku dan makalah dalam bahasa Melayu di negara berkenaan selain radio yang bersiaran dalam bahasa Melayu di negara yang terkenal dengan kain sutera itu. Sekali gus, universiti di China ini telah memartabatkan bahasa Melayu di luar Nusantara Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Nilai Bahasa Melayu di China antara Keperluan dan Tuntutan', <https://www.ukm.my/atma/news/siri-wacana-atma>

Tersurat	Tersurat
• BFSU menawarkan jurusan pengajian Melayu pada peringkat ijazah sarjana muda.	• Pengajian Bahasa Melayu diiktiraf dalam sistem pendidikan pengajian tinggi di luar negara.
• Bahasa Melayu memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat China yang dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar.	• Meningkatkan status sosial seseorang dan menjadi satu bidang kerjaya di negara China.
• Bahasa Melayu telah digunakan dalam persidangan antarabangsa, penerbitan buku-buku dan makalah, serta bersiaran melalui radio di negara China.	• Memastikan bahasa Melayu terus berkembang pada peringkat global.
• Universiti di China ini telah memartabatkan bahasa Melayu di luar Nusantara Melayu.	• Imej positif bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.



SP 3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.

Baca dan fahami petikan di bawah ini. Nyatakan ramalan anda berkaitan dengan bahan yang telah anda baca. **(KBAT)** Menganalisis/ Menilai

Selaras dengan matlamat pendidikan untuk semua, sewajarnya kanak-kanak bukan warga Malaysia, tanpa dokumen pengenalan diri, dan gelandangan diberikan peluang dan hak untuk memperoleh sekurang-kurangnya pendidikan asas yang meliputi literasi, numerasi, dan kenegaraan. Kesan jangka panjang jika anak-anak ini dipinggirkan dan tidak menerima pendidikan, bukan saja menimbulkan masalah sosial, jenayah, malah boleh menggugat keamanan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengambil langkah sewajarnya dengan memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib bagi semua kanak-kanak di Malaysia. Oleh itu, kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa anak itu merupakan warganegara, boleh daftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Selain itu, Sekolah Alternatif Rumah Panggi misalnya, telah dibangunkan sekitar tahun 2016 di Rumah Panggi Kampung Shahbandar, Tuaran, Sabah. Sekolah Alternatif Semporna pula dibangunkan secara serius di rumah kolektif Borneo Komrad Semporna. Objektif sekolah ini adalah untuk meminimumkan golongan buta huruf di Kampung Bangau-bangau, Semporna. Di samping aspek akademik, sekolah alternatif ini juga membangunkan projek-projek kesenian dan kemahiran. Sekolah ini dilabel sebagai sekolah percuma, sekolah terbuka, sekolah tanpa tembok, dan sebagainya.


Jelasnya, usaha untuk memberikan pendidikan asas kepada kanak-kanak bukan warga Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri dilihat sebagai satu usaha murni kerajaan untuk memberikan kesaksamaan. Usaha ini dapat menyuburkan semangat cinta akan Malaysia dalam kalangan kanak-kanak ini. Namun begitu, perkara yang lebih penting adalah bagi memastikan kanak-kanak tidak dieksplorasi oleh anasir luar yang boleh mengancam keselamatan dan kemakmuran negara menerusi propaganda antikebangsaan, pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak, dan isu sejagat.

Isu/ Perkara	Ramalan Anda
Keciciran murid dalam aspek pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan generasi buta huruf • Melahirkan masyarakat yang kurang berdaya saing
Kebanjiran warga asing di negara ini	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kadar jenayah serta masalah sosial • Menutup peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan
Usaha kerajaan memastikan kanak-kanak tidak dieksplorasi oleh anasir luar	<ul style="list-style-type: none"> • Kebijaksanaan dalam pemerintahan • Imej negara terpelihara


**KUASAI PBD** Aspek Tatabahasa

SP 5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks.

Baca petikan di bawah ini. Kenal pasti dan senaraikan lima kata terbitan berdasarkan perenggan.



Kata Terbitan



Pembelajaran Sepanjang Hayat

Sejak Mac 2020, landskap pendidikan negara mula berubah. Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia menyaksikan bidang pendidikan mengalami transformasi ke arah digital. Pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini sebenarnya telah lama dipraktikkan di negara-negara maju.

Kini, kebanyakan universiti tempatan baik awam maupun swasta termasuk sekolah-sekolah di Malaysia beralih pendekatan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya. Hal ini bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan.

Terdapat pelbagai jenis platform pembelajaran digital yang berpotensi dan mempunyai ruang yang banyak untuk dieksplorasi seperti *Blackboard*, *Google Classroom*, *Google Meet*, dan *Zoom*. Bagi memastikan kaedah pembelajaran dalam talian yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, serta akses capaian teknologi yang maksimum. Dengan cara ini, murid dapat melalui proses pembelajaran yang berterusan di samping berupaya untuk meneroka pelbagai medium untuk memperoleh ilmu pengetahuan.

Namun begitu, realitinya bukan semua murid mempunyai akses capaian Internet yang baik. Masih ada murid yang tinggal di pedalaman. Segelintir murid perlu membantu ibu bapa menguruskan aktiviti harian sepanjang tempoh PKP selain kediaman yang tidak selesa serta ketiadaan kemudahan telefon pintar dan aksesori.

Oleh itu, pendidik perlu bijak menangani isu tersebut secara berhemah. Setiap pendidik perlu mengambil langkah proaktif bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, serta matlamat utama pembelajaran secara holistik dan inklusif tercapai.

Dipetik dan diubah suai daripada 'COVID-19 : Pembelajaran dalam Talian Suatu Keperluan ke Arah Menuju Malaysia Maju', <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Perenggan	Kata Terbitan					
1	pendidikan	berubah	melanda	menyaksikan	dipraktikkan	
2	kebanyakan	tempatan	termasuk	beralih	disampaikan	
3	terdapat	talian	kepentingan	pembelajaran	capaian	
4	melalui	pengetahuan	kediaman	berterusan	menguruskan	
5	pendidik	menangani	tercapai	berhemah	ketinggalan	



PRAKTIS SPM

BAHASA MELAYU

PENULISAN

- ⚡ Karangan Respons Terhad
- ⚡ Karangan Respons Terbuka

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

- ⚡ Morfologi
- ⚡ Sintaksis
- ⚡ Penyuntingan
- ⚡ Bahasa Melayu Standard
- ⚡ Peribahasa

PEMAHAMAN

- ⚡ Pemahaman Petikan Umum
- ⚡ Pemahaman Petikan Sastera
- ⚡ Novel

RUMUSAN

LISAN

- ⚡ Lisan Bertutur
- ⚡ Lisan Mendengar

PENULISAN



Karangan Respons Terhad



Nota Visual
Tip Menjawab Soalan

KUASAI / Nota Pintas

Soalan	Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian A
Kriteria	<ul style="list-style-type: none"> Murid akan diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad. Murid perlu menulis karangan dengan menghuraikan pendapat berdasarkan kombinasi kepelbagaiannya bahan rangsangan yang terdapat dalam kertas soalan. Lazimnya, terdapat dua atau tiga jenis bahan rangsangan yang meliputi tema yang sama berdasarkan keperluan dan kehendak soalan. Kombinasi kepelbagaiannya bahan rangsangan diuji dalam Bahagian A ini sama ada gambar foto, ilustrasi, gambar rajah, iklan, peta, pelan, poster, petikan umum, petikan sastera, e-mel, dialog, dan sebagainya. Bahan-bahan ini perlu dianalisis. Setiap bahan perlu dirumuskan maksud dan mesej yang hendak disampaikan. Panjangnya karangan yang perlu ditulis adalah antara 150 hingga 200 perkataan.
Markah	26 – 30 Cemerlang 22 – 25 Kepujian 20 – 21 Baik 15 – 19 Memuaskan 10 – 14 Kurang Memuaskan 1 – 9 Penggunaan Minimum Markah penuh: 30 markah
Masa	Dalam tempoh 30 minit

Panduan Menjawab Soalan

- Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan teliti. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada bahan-bahan rangsangan yang dikemukakan.
- Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
- Rancang rangka karangan dan pastikan rangka karangan anda mengandungi pendahuluan, dua isi penting, dan penutup.
- Jangan menyalin semua isi yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri yang bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
- Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
- Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

Perenggan	Bahagian	Jumlah perkataan
Perenggan 1	Pendahuluan	40
Perenggan 2	Isi 1	50 – 60

Perenggan	Bahagian	Jumlah perkataan
Perenggan 3	Isi 2	50 – 60
Perenggan 4	Penutup	40

- Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
- Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.



PRAKTIS 1

Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

Huraikan pendapat anda tentang **perpaduan kaum di Malaysia**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

MALAYSIA memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagai budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkuatkan kedaulatan dan pembangunan negara. Keharmonian yang berhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan suatu keistimewaan dan juga daya tarikan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada artikel "Negara akan Terus Maju Jika Perpaduan Kaum Dapat Dikekalkan" oleh Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *MStar*, 13 Mac 2013

Pantun Muhibah dan Perpaduan

Air mengalir dalam terusan,
Mengairi sawah beratus relung;
Bekerjasama segala urusan,
Tanda bersatu bergotong-royong.

Tuan puteri dari kayangan,
Senyuman manis seperti madu;
Bermacam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa yang padu.

Sumber: "Antologi Gema Sepi Gadis Genius", *Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2010

Tingkat Kebersihan Kawasan Kediaman Penduduk

Aktiviti Gotong-royong Erat Silaturahim

Oleh: Zuraidah Othman

KESANG, April – Amalan bergotong-royong merupakan amalan masyarakat Malaysia yang mengutamakan semangat bekerjasama, bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Masyarakat masih mengadakan aktiviti ini kerana mereka amat mementingkan perpaduan dan nilai tradisi serta suka akan sikap tolong-menolong dan melakukan kerja-kerja sukarela.

Rentetan itu, kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Desa, Kesang telah mengadakan program gotong-royong di Laman Taman Desa di sini.

"Penganjuran program ini mampu mengeratkan perpaduan penduduk tanpa mengira kaum. Di samping itu, program ini juga sebagai platform untuk meningkatkan kebersihan serta keceriaan sesuatu kawasan itu," kata Encik Jalil.





Karangan Respons Terbuka

KUASAI / Nota Pintas

Soalan	Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian B
Kriteria	<ul style="list-style-type: none"> Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terbuka. Murid diberikan empat soalan dalam bahagian ini, iaitu domain awam, domain peribadi, domain pendidikan, dan domain kerjaya. Murid hanya perlu memilih satu daripada domain tersebut. Soalan ini wajib dijawab. Lazimnya, isu-isu yang terdapat dalam domain tersebut diperoleh daripada tema-tema yang terdapat dalam buku teks. Murid perlu menulis karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.
Markah	61 – 70 Cemerlang 51 – 60 Kepujian 41 – 50 Baik 31 – 40 Memuaskan 21 – 30 Kurang Memuaskan 1 – 20 Penguasaan Minimum Markah penuh: 70 markah
Masa	1 jam 30 minit

Panduan Menjawab Soalan

1. Murid perlu membaca setiap soalan dengan teliti untuk mengenal pasti soalan yang sesuai dengan kemampuan murid.
2. Apabila domain dan soalan telah dipilih, murid perlu mengenal pasti kehendak dan arahan soalan seperti kata kunci, skop, dan tema.
3. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian ialah format karangan dan fokus arahan soalan sama ada faktor, kesan, langkah, manfaat, peranan, atau halangan.
4. Jika soalan meminta murid mengupas lebih daripada dua fokus, murid seharusnya menghuraikan kedua-dua fokus tersebut secara seimbang. Contohnya, soalan meminta murid menulis karangan tentang faktor kedatangan pekerja asing ke negara ini dan kesan-kesannya. Murid harus menghuraikan kedua-dua fokus tersebut secara seimbang.
5. Pastikan murid menulis rangka karangan sebelum memulakan penulisan.
6. Sebaik-baiknya, murid menulis enam hingga tujuh perenggan karangan, iaitu satu perenggan pendahuluan, empat atau lima perenggan isi, dan satu perenggan penutup.
7. Cadangan rangka dan patah perkataan bagi karangan umum seperti di bawah ini:

Perenggan	Bahagian	Jumlah perkataan
Perenggan 1	Pendahuluan	50+
Perenggan 2	Isi 1	80
Perenggan 3	Isi 2	80+
Perenggan 4	Isi 3	80+
Perenggan 5	Isi 4	80+
Perenggan 6	Penutup	50
Jumlah		420

8. Perenggan pendahuluan mengandungi isu dan ditulis dengan gaya penulisan yang menarik.
9. Murid dicadangkan supaya mengolah isi yang mempunyai kesinambungan idea yang berterusan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.
10. Perenggan penutup harus mengandungi rumusan akhir hasil penulisan yang tidak berulang daripada mana-mana isi. Cadangan penutup terdiri daripada pihak yang terlibat, ayat cadangan dan harapan, serta peribahasa.
11. Selepas selesai menulis, murid digalakkan supaya menyemak karangan yang ditulis, tiada kesalahan bahasa seperti ejaan, tanda baca, penggolongan kata, imbuhan, dan struktur ayat.
12. Murid juga perlu memastikan karangan yang ditulis panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.



PRAKTIS 4

Domain Kerjaya

Penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian penting untuk meningkatkan produktiviti negara bagi menjamin bekalan makanan mencukupi pada setiap masa. Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membangunkan pakej teknologi pertanian tepat yang dapat membantu industri pertanian negara.

Teknologi yang dihasilkan berupaya untuk mengurangkan kos input dan kos operasi di samping mengekalkan hasil yang tinggi. Selain itu, penggunaan teknologi di kawasan estet berskala besar dijangka mampu menarik golongan petani muda. Hal ini berikutan kekurangan tenaga kerja mahir dalam kalangan anak muda yang tidak berminat dalam bidang pertanian.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Teknologi Pertanian Tepat’
oleh Zaitie binti Satibi, www.hmetro.com.my, 5 Januari 2020

Sempena Minggu Bahasa di sekolah anda, satu pertandingan bahasa diadakan. Isu yang dibahaskan adalah mengenai penggunaan jentera moden dalam bidang pertanian sebagaimana dalam pernyataan di atas.

Sediakan hujah-hujah anda sebagai ahli pasukan pencadang bagi tajuk ‘Penggunaan Jentera Moden dalam Bidang Pertanian Lebih Banyak Membawa Kebaikan kepada Petani dan Negara’. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

Pendahuluan:

kata alu-aluan – pengerusi majlis, barisan hakim, guru-guru seterusnya para hadirin – menyatakan tajuk perbahasan – menyatakan posisi sebagai pencadang dan menyokong tajuk perbahasan – memberikan definisi – jentera moden – peralatan teknologi yang dapat memudahkan sesuatu pekerjaan – contohnya jentuai dan penggunaan dron untuk menabur bahan

Isi-isi penting:

Isi 1: dapat menangani masalah kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian – kurang diminati oleh golongan muda – banyak bergantung kepada buruh asing – penggunaan teknologi moden dapat mengurangkan pergantungan kepada buruh asing – dapat menyelamatkan wang negara terus mengalir keluar

Isi 2: dapat menarik minat golongan muda menyertai bidang pertanian – lebih mudah diusahakan, tidak dipandang rendah, dan menawarkan pendapatan lumayan – dapat memacu negara sebagai negara pertanian yang maju

Isi 3: dapat meningkatkan pengeluaran – memenuhi permintaan dari dalam dan luar negara – dapat melonjakkan kemajuan negara dalam bidang pertanian – dapat meningkatkan pendapatan negara

PRAKTIS SPM 2

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

KUASAI / Nota Pintas

eP+ Peta Konsep
Sistem dan Aplikasi Bahasa

Soalan	Kertas SPM 1103/2 Bahasa Melayu Bahagian A
Kriteria	<ul style="list-style-type: none">Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan respons terbuka.Murid diberikan lima ceraian soalan, iaitu morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard, dan peribahasa.Semua soalan yang dikemukakan wajib dijawab.
Markah	Markah penuh: 35 markah
Masa	45 minit

Morfologi

KUASAI / Nota Pintas



Video Tutorial
Morfologi Bentuk Kata

1. Murid perlu mengkaji dan menguasai struktur kata, bentuk kata, dan penggolongan kata.

Struktur Kata	Bentuk Kata	Penggolongan Kata
<ul style="list-style-type: none">Susunan bentuk bunyi bahasa atau lambang (dalam tulisan).Terbahagi kepada dua, iaitu pola suku kata terbuka dan pola suku kata tertutup.Struktur suku kata terdiri daripada perkataan bahasa Melayu dan juga kata pinjaman bahasa asing.Struktur suku kata yang asli (v, vk, kv, kvk). Struktur suku kata pinjaman daripada bahasa asing (kkv, kkvk, vkk, kkvkk, kkkvk).	<ul style="list-style-type: none">Kata tunggalAkrонimKata terbitan (pengimbuhan)Kata gandaKata majmuk	<ul style="list-style-type: none">Kata namaKata kerjaKata adjektifKata tugas

2. Soalan akan mengemukakan pelbagai bentuk kata dan penggolongan kata. Murid diminta supaya mengenal pasti perkataan tersebut dalam petikan yang diberikan.
3. Kemudian, murid perlu membina ayat daripada perkataan tersebut berdasarkan kehendak dan arahan soalan.

>> Kesalahan Lazim

1. Murid tidak dapat mengenal pasti perkataan seperti yang dikehendaki dalam arahan soalan.
2. Murid mengubah perkataan yang terdapat dalam petikan, sama ada ditambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan yang dipilih sebagai peribahasa atau nama khas semasa menulis ayat.
3. Ayat yang dibina tidak gramatis kerana tidak menggunakan tatabahasa yang betul.
4. Murid membina lebih daripada satu ayat bagi setiap perkataan.
5. Murid juga menyalin ayat yang terdapat daripada petikan sebagai jawapan.

PRAKTIS 1


Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata adjektif** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Isu pencemaran sungai hingga mengakibatkan gangguan bekalan air yang menjelaskan hampir lima juta penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur bukanlah perkara baru. Kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan kesedaran sesetengah pihak mengenai kepentingan penjagaan kebersihan sungai serta alam sekitar dikatakan punca utama permasalahan ini. Sikap sesetengah pihak yang suka membuang sampah di merata-rata juga mencerminkan betapa pemikiran masyarakat masih lagi mundur. Selain itu, pembangunan yang tidak terkawal di kawasan hulu sungai seperti projek pembinaan perumahan dan aktiviti pembuangan sisя kilang juga dipercayai turut menjadi punca pencemaran air.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Penjara Mandatori Pesalah Alam Sekitar' oleh Mahfuz Mohamad, Kosmo, 18 September 2020

[8 markah]

1. **baru** – Ibu membelikan adik sepasang kasut bola **baru** bagi menggantikan **kasutnya yang sudah koyak**.
2. **suka** – Aina suka melukis potret pada waktu senggang kerana minatnya yang mendalam terhadap bidang seni lukis.
3. **hingga** – Safwan menunggang motosikal dengan laju **hingga** tidak dapat mengelak daripada melanggar seekor kucing yang tiba-tiba melintas jalan.
4. **di** – Angela menyusun buku-buku novel miliknya **di** dalam kotak untuk diberikan kepada rakannya yang juga peminat novel.


PRAKTIS 2

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata majmuk mantap**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kompleks Perniagaan Pekan Rabu yang terletak di tengah-tengah bandar Alor Setar tidak asing lagi bagi penduduk tempatan mahupun mereka yang datang dari luar negeri Kedah. Kompleks perniagaan orang Melayu yang tersergam indah itu merupakan lambang kemegahan peniaga-peniaga bumiputera di Kedah. Terdapat berbagai-bagai jenis perniagaan yang dijalankan di Pekan Rabu daripada hasil tanaman hingga yang agak komersial dan bertaraf antarabangsa. Antara peniaga di Pekan Rabu ialah bekas Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjual cendol dan membuka kedai kopi serta menjual buah-buahan pada zaman pendudukan Jepun pada tahun 1942 hingga 1944.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pekan Rabu Lambang Kemegahan Peniaga Melayu' oleh Zaid boc Mohd Nor, Utusan Malaysia, 15 Ogos 2020

[8 markah]



Sintaksis

KUASAI Nota Pintas



- Murid perlu mengkaji proses pembinaan ayat melibatkan hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat.
- Ayat biasanya terdiri daripada sekurang-kurangnya satu patah perkataan atau gabungan beberapa patah perkataan yang mengandungi maksud yang sempurna.
- Binaan setiap ayat mestilah terdiri daripada kata, frasa, atau klausa yang membentuk subjek dan predikat.


Binaan Ayat	Jenis Ayat	Ragam Ayat	Susunan Ayat
<ul style="list-style-type: none"> Subjek dan predikat Pola ayat Ayat tunggal Ayat majmuk Cakap ajuk Cakap pindah 	<ul style="list-style-type: none"> Ayat penyata Ayat seruan Ayat tanya Ayat perintah 	<ul style="list-style-type: none"> Ayat aktif Ayat pasif Cakap ajuk Cakap pindah 	<ul style="list-style-type: none"> Ayat bersusunan biasa Ayat bersusunan songsang



>> Kesalahan Lazim

- Murid tidak dapat mengenal pasti binaan, hukum, atau rumus sesuatu ayat.
- Ayat yang dibina tidak gramatis kerana tidak menggunakan tatabahasa yang betul.
- Murid tidak dapat menghasilkan ayat menepati kehendak soalan daripada petikan ayat yang diberikan.

PRAKTIS 1



Sintaksis

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Nyatakan pola ayat yang bergaris itu sama ada **Frasa Nama + Frasa Kerja**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif**, atau **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama**.

Cuaca hari ini sangat indah. Ameer dan Nazeem sudah merancang untuk berjoging di taman rekreasi. Namun begitu, mereka terpaksa melupakan hasrat mereka itu apabila menerima panggilan telefon yang menyatakan sahabat mereka terlibat dalam kemalangan jalan raya. Ameer dan Nazeem menziarahi Ganesan di hospital. Mereka ke hospital dengan menggunakan perkhidmatan e-panggilan. Di pekarangan hospital, mereka mendapati ahli keluarga Ganesan dan rakan-rakan dalam keadaan sugul. Mereka diberitahu bahawa Ganesan telah dimasukkan ke unit rawatan rapi dan keadaannya kritikal akibat pendarahan di kepalanya.

[6 markah]

- Frasa Nama + Frasa Adjektif
- Frasa Nama + Frasa Kerja
- Frasa Nama + Frasa Sendi Nama



1. • Pen mata bulat berwarna merah kerap digunakan oleh guru-guru untuk menyemak kerja rumah murid-murid.
 - Pen mata bulat berwarna merah kerap digunakan oleh guru-guru untuk menyemak kertas ujian murid-murid.
2. • Pen berwarna hitam paling kerap digunakan dalam penyediaan dokumen, menandatangani surat, atau menulis maklumat pada invois.
 - Pen berwarna biru paling kerap digunakan dalam penyediaan dokumen, menandatangani surat, atau menulis maklumat pada invois.
3. • Dalam kes jenayah yang berkaitan dengan dokumen palsu, kajian forensik akan dibuat berdasarkan isi kandungan dokumen berkenaan.
 - Dalam kes jenayah yang berkaitan dengan dokumen palsu, kajian forensik akan dibuat berdasarkan penggunaan alat tulis pada dokumen berkenaan.



Penyuntingan



KUASAI / Nota Pintas

1. Proses menyunting dengan mengenal pasti kesalahan penggunaan ejaan, kata dan istilah, bahasa, dan tatabahasa dalam ayat atau lebih mudah difahami sebagai proses mengedit petikan.
2. Murid perlu menyenaraikan perkataan yang mengandungi kesalahan, kemudian membetulkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam petikan yang diberikan.
3. Murid tidak perlu menyalin petikan semula.



Nota Visual
Kesalahan Ejaan



Video
Tutorial



Penyuntingan

Kesalahan Ejaan	Kesalahan Kata/Istilah	Kesalahan Tatabahasa
<ul style="list-style-type: none">• Vokal• Konsonan• Imbuhan• Kata pinjaman	<ul style="list-style-type: none">• Kata dasar• Istilah yang tepat• Penggolongan kata	<ul style="list-style-type: none">• Hukum DM• Aneksi pesona• Jamak• Aktif dan pasif



>> Kesalahan Lazim

1. Murid tidak dapat mengenal pasti kesalahan perkataan yang terdapat dalam petikan.
2. Murid tidak menyenaraikan perkataan-perkataan yang salah dan hanya menulis perkataan yang telah dibetulkan sahaja.
3. Murid tidak mematuhi arahan dengan memberikan jawapan melebihi daripada arahan soalan.
4. Perkataan yang dibetulkan mengandungi kesalahan atau tulisan murid sukar dibaca.

**PRAKTIS 1**

Bahan-bahan di bawah ini mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Dalam sistem bahasa isyarat, individu yang menggunakan bahasa isyarat akan menggerakan tangan, badan, dan menggunakan inspirasi muka. Isyarat yang diberikan ialah untuk menyampaikan sesuatu maksud, ilmu, pandangan, idea, dan sebagainya. Manakala deria pelihatan pula digunakan untuk menerima dan memahami maksud bahasa isyarat yang disampaikan. Setiap negara mempunyai bahasa isyarat yang berbeza. Misalnya, bahasa isyarat bagi kosakata makan di Malaysia seperti menuap nasi, manakala di negara China seolah-olah memegang penyepit.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Mengiktiraf Bahasa Isyarat Malaysia'
oleh Syear Meezee Mohd Rashid Dewan Bahasa, Bil 9 2020

[6 markah]

Bahan 2

Rangkaian media sosial amat berpengaruh di era globalisasi ini. Pengguna media sosial dapat menyebarkan maklumat tentang sesuatu urusan dengan lebih pantas melalui berbagai medium komunikasi digital. Oleh itu, media sosial juga dapat menjadi wahana integrasi dan melaluinya jalinan muhibbah antara kaum dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, iklan-iklan yang berunsurkan kemasyarakatan yang disebarluaskan kepada umum dapat meninggalkan kesedaran pada masyarakat agar hidup secara harmoni.

[5 markah]

Bahan 1

Kesalahan	Pembetulan
1. system	1. sistem
2. menggerakan	2. menggerakkan
3. inspirasi	3. ekspresi
4. ialah	4. adalah
5. pelihatan	5. penglihatan
6. kosakata	6. kosa kata



Kesalahan	Pembetulan
1. didominassi	1. didominasi
2. peroses	2. proses
3. memperuntukan	3. memperuntukkan
4. hidupan	4. kehidupan
5. Kadang kala	5. Kadangkala
6. psikoloji	6. psikologi
7. internet	7. Internet
8. resmi	8. rasmi
9. suka rela	9. sukarella
10. berceloteh	10. berinteraksi
11. menitik beratkan	11. menitikberatkan



Bahasa Melayu Standard



Video



Bahasa Melayu
Standard



Video
Tutorial



Bahasa Melayu
Standard

KUASAI / Nota Pintas

- Soalan bahagian ini menghendaki murid menukar ayat bahasa klasik kepada bahasa moden atau bahasa Melayu Standard.
- Murid tidak perlu menceritakan semula, menulis sinopsis berdasarkan petikan, atau menerangkan ayat yang terdapat dalam petikan tersebut.
- Murid harus mengetahui bukan semua perkataan perlu ditukarkan.

Kekalkan	Gugurkan	Tukarkan
<ul style="list-style-type: none"> Struktur atau susunan ayat dalam petikan perlulah dikekalkan. Bilangan ayat mestilah sama dengan petikan klasik yang diberikan dalam soalan. Bentuk ayat dialog dan tanda bacanya perlu dikekalkan. Semau bahasa istana tidak boleh diubah. Nama watak dan tempat tidak boleh diubah. Kata ganti nama diri, contohnya ayahanda, ibunda, dan bonda dikekalkan. Mengekalkan perenggan dalam petikan asal. 	<ul style="list-style-type: none"> Perkataan yang tidak digunakan dalam bahasa Melayu moden boleh digugurkan. Contohnya syahadan, sebermula, kalakian, arakian, alkisah, hatta. Kata ‘pun’ dan ‘lah’ yang tidak perlu juga boleh digugurkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Murid hanya dibenarkan untuk menggantikan sesetengah kata atau diksi asalkan tidak mengubah maksud asal kata tersebut.




Kesalahan Lazim

- Murid mentafsir atau membuat ulasan cerita (berlaku tokok tambah/terpesong).
- Setiap ayat tidak memperlihatkan kohesi dan koheran hingga menghasilkan alih bahasa yang tidak tepat.
- Jawapan tidak ditulis dalam ayat yang lengkap dan tidak mengekalkan bentuk atau perenggan seperti yang terdapat dalam petikan.
- Murid tidak menggunakan tanda baca yang betul.
- Ayat-ayat jawapan murid tidak menunjukkan pemahaman maksud dan tidak mengekalkan bentuk asal penceritaannya.

**PRAKTIS 1**

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.



Bahasa Melayu Standard



Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-puluhan juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang daripada Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Pada ketika itu, Kertala Sari telah pulang dari Daha, dia memperoleh terlalu banyak harta, iaitu emas, perak, pakaian, dan wang berpuluhan-puluhan juta yang dicurinya daripada ramai orang. Setelah Kertala Sari tiba di rumahnya, dia pun bertanya kepada ibunya, "Wahai ibuku, ke manakah bapaku pergi kerana aku tidak melihatnya?"

Setelah ibunya mendengar kata-kata anaknya itu, ibunya terus menangis.

PRAKTIS 2

Praktis Ekstra

Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang daripada Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Kertala Sari pergi ke rumah seorang saudagar kaya. Ketika itu dilihat oleh Kertala Sari bahawa saudagar sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari masuk lalu makan bersama dengan saudagar itu. Setelah lewat malam, saudagar itu pun tidur. Kertala Sari telah mencuri segala harta saudagar itu sebanyak yang mampu dibawa malah isteri saudagar juga dicabulnya.

**PRAKTIS 3**

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, "Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga."


Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkannya, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada diberinya bergerak, masing-masing pada tempatnya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang daripada Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Kertala Sari berasa hairan dan berkata-kata dalam hatinya, "Sesungguhnya ilmu sakti ini bukan ilmu sakti orang Melayu, tetapi ilmu sakti penjurit Jawa yang memiliki kepaduan juga."

Kertala Sari mengambil suatu kayu lalu disarungnya. Ketika itu, kayu hikmat Laksamana berpalu dengan bunyi yang kuat. Orang yang berkawal mendengar bunyi yang terlalu kuat. Mereka hendak pergi melihatnya, tetapi mereka teringat akan pesan Laksamana bahawa mereka tidak dibenarkan bergerak dan perlu berada di tempat masing-masing.

**Peribahasa****KUASAI** Nota Pintas

Info
Koleksi
Peribahasa



Video
Tutorial

Peribahasa

1. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah, dan kata-kata hikmat.
2. Murid akan diberikan soalan peribahasa sama ada bentuk petikan, dialog, pernyataan, situasi, drama, dan sebagainya.
3. Murid tidak perlu menyalin petikan yang diberikan.
4. Murid tidak boleh menambahkan perkataan atau menukar perkataan yang terdapat dalam peribahasa.
5. Arahan soalan merangkumi:

Ayat/Maksud/Petikan/Dialog	Peribahasa yang sama maksud	Mengisi tempat kosong
<ul style="list-style-type: none">• Memberikan maksud peribahasa.• Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud atau ayat yang diberikan.• Menyatakan peribahasa berdasarkan petikan, perenggan, atau dialog yang diberikan.	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti peribahasa dalam petikan, kemudian menyatakan peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa yang terdapat dalam petikan.	<ul style="list-style-type: none">• Melengkapkan perenggan petikan dengan mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

**>> Kesalahan Lazim**

1. Peribahasa yang diberikan tidak tepat atau sesuai dengan konteks ayat dalam petikan.
2. Murid tidak akur akan arahan soalan dengan menyenaraikan lebih daripada satu peribahasa.
3. Jawapan yang ditulis oleh murid mengandungi kesalahan ejaan, kata, dan susunan binaan sesuatu peribahasa.

**PRAKTIS 1**

Baca dialog di bawah ini dengan telitinya, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

- Ayah : Zafrul, ayah lihat kamu muram _____ (i) sahaja sejak semalam. Mengapa?
- Zafrul : Saya penatlah ayah. Banyak sangat kerja sekolah yang perlu disiapkan. Saya sudah berjanji dengan Selvam dan Hazrin untuk pergi memancing kerana _____ (ii) tetapi terpaksa saya batalkan kerana perlu menyiapkan semua tugas yang diberikan oleh cikgu.
- Ayah : Rul, ayah puji sikap kamu yang mengutamakan pelajaran. Biarlah bersusah-susah dahulu demi masa depan yang lebih baik kerana _____ (iii). Ayah hanya bekerja sebagai pemandu tekki kerana ayah tidak berpelajaran tinggi. Ayah tidak mahu kamu mewarisi pekerjaan ayah ini. Ayah mahu melihat kamu berjaya dan menjalani kehidupan yang lebih baik.
- Zafrul : Baiklah ayah, Rul akan belajar dengan bersungguh-sungguh dan penuhi hasrat ayah itu ibarat _____ (iv).

[4 markah]

(i) seperti ayam berak kapur

(ii) lembu dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya

(iii) berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

(iv) alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan

PRAKTIS 2

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Sejak menceburi bidang perniagaan minuman kesihatan, Azman sering menggalakkan adik-adiknya berkecimpung dalam dunia usahawan dan belajar selok-belok perniagaan sejak kecil. Dia sering berpesan kepada adik-adiknya bahawa tiada jalan mudah untuk mengecapi kejayaan kerana jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. Banyak anak muda yang bersikap mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan dengan mengambil keputusan berhenti kerja atau melaburkan semua wang simpanan mereka untuk menceburi bidang perniagaan yang akhirnya kecundang ibarat abu di atas tungkul kerana tidak cukup pengalaman dan gagal memanfaatkan teknologi maklumat untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

[4 markah]

PRAKTIS SPM 3

PEMAHAMAN

KUASAI / Nota Pintas

eP+ Peta Konsep
Pemahaman



Soalan	Kertas SPM 1103/2 Bahasa Melayu Bahagian B
Kriteria	<ul style="list-style-type: none">Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan subjektif respons terbuka.Murid mesti menjawab tiga soalan pemahaman dalam bahagian ini, iaitu:<ul style="list-style-type: none">- Soalan 6: Pemahaman Petikan Umum- Soalan 7: Pemahaman Petikan Sastera- Soalan 8: NovelKonstruk dan aspek yang ditaksir bagi soalan bahagian ini ialah:<ul style="list-style-type: none">- Kemahiran Membaca<ul style="list-style-type: none"><input type="checkbox"/> Memahami<input type="checkbox"/> Menganalisis<input type="checkbox"/> Menilai<input type="checkbox"/> Mencipta- Pengetahuan Sistem Bahasa- Nilai
Markah	<ul style="list-style-type: none">Markah keseluruhan yang diperuntukkan pada bahagian ini ialah 35 markah.Soalan pemahaman petikan umum dan pemahaman petikan sastera memperuntukkan 25 markah.Soalan pemahaman novel ialah 10 markah, iaitu 4 markah bagi soalan pemahaman novel dan 6 markah bagi soalan kajian novel.



Petikan Umum

KUASAI / Nota Pintas



Video
Tutorial



Petikan
Umum

Panduan Menjawab Soalan

- Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan umum dikemukakan sebagai Soalan 6.
- Pelbagai bentuk bahan dapat dikemukakan dalam Soalan 6 ini. Antaranya termasuklah rencana, jadual, iklan, bahan grafik, puisi, dan sebagainya.
- Dua atau tiga bahan yang mengutarakan isu yang sama akan dikemukakan.
- Murid dikehendaki supaya membaca semua bahan yang diberikan dengan teliti dan menjawab semua soalan yang dikemukakan.
- Pecahan soalan yang diuji ialah:
 - Soalan (i) – Maksud rangkai kata yang terdapat dalam bahan.
 - Soalan (ii) – Beza banding sesuatu aspek berdasarkan semua bahan.
 - Soalan (iii) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk pemikiran kritis.
 - Soalan (iv) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
- Bagi soalan yang meminta murid memberikan maksud frasa, murid hendaklah memberikan maksud frasa tersebut berdasarkan konteks dalam petikan. Murid haruslah mengelak daripada mengulang perkataan yang ada dalam frasa tersebut.



7. Bagi soalan yang meminta murid menyatakan persamaan dan perbezaan tentang sesuatu aspek dalam Bahan 1 dan Bahan 2, murid haruslah mengeluarkan isi yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Isi mestilah sekurang-kurangnya dua. Jawapan mestilah ditulis dengan mengambil sebahagian soalan dan menambahkan isi jawapan yang diperoleh daripada bahan-bahan dalam petikan tersebut.
 8. Bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, murid haruslah mengemukakan jawapan yang rasional. Isi yang dikemukakan daripada buah fikiran murid sendiri. Biasanya, dua isi jawapan berserta dengan huraiān diperlukan.
 9. Bagi soalan penyelesaian masalah, murid haruslah mengemukakan langkah atau cara yang mampu murid lakukan dalam usia 17 hingga 18 tahun. Murid dilarang daripada mengemukakan jawapan di luar kemampuan murid seperti mengadakan kempen melalui media massa atau memberikan sumbangan wang dalam jumlah yang besar.
 10. Murid hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah menggunakan ayat yang gramatis.
 11. Sebanyak 12 hingga 13 markah diperuntukkan bagi Soalan 6 mengikut pecahan yang berikut:
 - (a) Soalan (i) – 2 markah
 - (b) Soalan (ii) – 3 atau 4 markah
 - (c) Soalan (iii) – 3 markah
 - (d) Soalan (iv) – 4 markah
- >> Kesalahan Lazim
1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam petikan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan.
 2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa.
 3. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraiān atau penjelasan maksud.
 4. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas.

PRAKTIS 1

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Menurut *Department Of Justice, Canada (2003)*, keganasan keluarga boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu keganasan rumah tangga, penganiayaan terhadap kanak-kanak, iaitu penderaan secara fizikal, *eksploitasi* dan penderaan seksual, pengabaian dan penderaan emosi serta penganiayaan terhadap ibu bapa atau warga tua.

Individu yang terdedah dengan keganasan keluarga sejak kecil cenderung untuk melakukan hal yang sama terhadap pasangan dan anak-anak. Perkahwinan pada usia muda juga menyebabkan kurangnya kemahiran keibubapaan, manakala struktur sosial seperti umur, jantina, status sosioekonomi turut mendorong keganasan keluarga. Seterusnya, status lelaki sebagai ketua keluarga menyebabkan mereka berhak membuat keputusan dan tidak berasa bersalah untuk menghukum dan mengawal isteri. Di samping itu, penyalahgunaan bahan terlarang seperti arak dan dadah mengakibatkan individu tidak menyedari tindakan dan keganasan yang dilakukan. Oleh itu, perlaksanaan undang-undang haruslah lebih **efektif** dalam menangani kes keganasan keluarga.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Keganasan Keluarga' oleh Sa'odah Ahmad dan Mariani Manso,
Isu Keluarga Kontemporari

>> Bestari Kata

- **efektif** – berkesan; mujarab



Petikan Sastera

KUASAI / Nota Pintas



Video Tutorial



Petikan Sastera dan Novel

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan sastera dikemukakan sebagai Soalan 7.
2. Bahan yang dikemukakan dalam Soalan 7 ini berasaskan karya kreatif daripada KOMSAS Tingkatan 4 atau sumber-sumber lain. Antaranya termasuklah drama, prosa tradisional, puisi tradisional, sajak, cerpen, dan sebagainya.
3. Semua bahan yang dikemukakan berdasarkan isu yang sama.
4. Murid dikehendaki supaya membaca semua bahan yang diberikan dengan teliti dan menjawab semua soalan yang dikemukakan.
5. Pecahan soalan yang diuji ialah:
 - (a) Soalan (i) – Maksud rangkai kata yang terdapat dalam bahan.
 - (b) Soalan (ii) – Beza banding sesuatu aspek berdasarkan semua bahan.
 - (c) Soalan (iii) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk pemikiran kritis.
 - (d) Soalan (iv) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
6. Bagi soalan yang meminta murid memberikan maksud frasa, murid hendaklah memberikan maksud frasa tersebut berdasarkan konteks dalam petikan. Murid haruslah mengelak daripada mengulang perkataan yang ada dalam frasa tersebut.
7. Bagi soalan yang meminta murid menyatakan persamaan dan perbezaan tentang sesuatu aspek dalam semua bahan yang dikemukakan, murid haruslah mengeluarkan isi yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Isi mestilah sekurang-kurangnya dua.
8. Bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, murid haruslah mengemukakan jawapan yang rasional. Isi daripada buah fikiran murid sendiri. Biasanya, dua isi berserta dengan huraian diperlukan.
9. Bagi soalan penyelesaian masalah, murid haruslah mengemukakan langkah atau cara yang mampu murid lakukan dalam usia 17 hingga 18 tahun. Murid dilarang untuk mengemukakan jawapan di luar kemampuan murid seperti mengadakan kempen melalui media massa atau memberikan sumbangan wang dalam jumlah yang besar.
10. Murid hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah menggunakan ayat yang gramatis.
11. Sebanyak 12 hingga 13 markah diperuntukkan bagi Soalan 7 mengikut pecahan yang berikut.

(a) Soalan (i) – 2 markah	(c) Soalan (iii) – 3 markah
(b) Soalan (ii) – 3 atau 4 markah	(d) Soalan (iv) – 4 markah



>> Kesalahan Lazim

1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam bahan-bahan yang dikemukakan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa.
3. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraian atau penjelasan maksud.
4. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas.

PRAKTIS 1

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada *belenggu penjajah*. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

>> Bestari Kata

- **cabul** – melanggar hak orang lain



Novel

KUASAI Nota Pintas

1. Dalam peperiksaan, soalan novel dikemukakan sebagai Soalan 8.
2. Dua pecahan soalan diberikan, iaitu:
 - (a) Soalan (i)
 - Soalan berdasarkan petikan novel daripada mana-mana zon daripada tingkatan 4.
 - Jawapan bagi soalan ini boleh didapati secara langsung daripada petikan.
 - Markah yang diperuntukkan untuk soalan ini ialah 4 markah.
 - (b) Soalan (ii)
 - Soalan berbentuk pemikiran kritis berdasarkan novel tingkatan 4 yang dikaji mengikut zon.
 - Murid dikehendaki supaya menjawab soalan berdasarkan mana-mana novel tersebut.
 - Markah yang diperuntukkan untuk soalan ini ialah 6 markah.
3. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis serta mematuhi tatabahasa yang betul.

PRAKTIS 1

- (i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Selain buah, kulit pisang juga dapat menyembuhkan bintat atau rasa gatal akibat gigitan nyamuk dengan menyapukan bahagian kulit pada bahagian yang digigit. Vitamin B yang terkandung dalam pisang dapat memberikan ketenangan kepada sistem saraf kita. Ternyata selain coklat, pisang juga dapat memberikan impak yang sama terhadap otak dan menghasilkan ketenangan. Hal ini berlaku kerana vitamin B6 bertindak balas dengan kandungan gula dalam darah. Pisang juga memberikan kesan pada *mood* anda. Sudah diketahui pisang baik untuk sistem pencernaan juga baik untuk ibu-ibu hamil. Di Thailand misalnya, ibu-ibu yang hamil gemar memakan pisang bagi mengekalkan suhu sejuk anak yang bakal dilahirkan.

Dipetik daripada novel 'Jendela Menghadap Jalan' karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia


Apakah khasiat pisang?

[4 markah]

kulit pisang dapat menyembuhkan bintat atau rasa gatal akibat gigitan nyamuk – mengandungi vitamin B – dapat memberikan ketenangan kepada sistem saraf – memberikan impak kepada otak dan menghasilkan ketenangan – vitamin B6 bertindak balas dengan kandungan gula dalam darah – memberikan kesan pada mood kita – baik untuk sistem pencernaan – membantu ibu-ibu hamil mengekalkan suhu sejuk anak yang bakal dilahirkan

PRAKTIS SPM 4

RUMUSAN



Rumusan



Teknik
Menjawab
Rumusan

KUASAI Nota Pintas

- Dalam peperiksaan, soalan rumusan dikemukakan sebagai Soalan 9 dalam Kertas 2(1103/2) Bahagian C.
- Murid akan diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan subjektif respons terbuka.
- Bahan rangsangan yang dikemukakan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza tetapi mempunyai tema yang sama. Antara bahan yang dikemukakan ialah petikan, prosa, puisi, dan bahan grafik.
- Soalan bahagian ini wajib dijawab oleh murid dalam tempoh 45 minit.
- Rumusan yang ditulis hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
- Markah yang diperuntukkan bagi soalan rumusan ialah sebanyak 30 markah.

Skim Pemarkahan

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan isi baik Struktur ayat/tatabahasa baik Kosa kata luas Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan isi masih baik Struktur ayat/tatabahasa masih baik Kosa kata masih memuaskan Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> Pada keseluruhannya serba kekurangan/tidak memuaskan

Panduan Menjawab Soalan Rumusan

- Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti.
- Kenal pasti fokus soalan dengan menerbitkan kata kunci yang sesuai berdasarkan bahan.
- Terdapat sekurang-kurangnya 2 fokus dan 2 kata kunci dalam penulisan rumusan.
- Cari isi tersurat berdasarkan fokus.
- Senaraikan sekurang-kurangnya 8 isi daripada semua bahan.
- Gunakan penanda wacana untuk mewujudkan kesinambungan idea.
- Gunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan-bahan yang dikemukakan itu.
- Rumusan hendaklah mengandungi bahagian pendahuluan, isi-isi tersurat, dan penutup. Asingkan setiap perenggan rumusan tersebut.
- Aplikasikan teknik menulis pendahuluan dan penutup rumusan dengan betul.

Teknik Menghasilkan Pendahuluan

Bahan yang ada 2 fokus (Fokus yang berbeza daripada kedua-dua bahan)					
Petikan/Rumusan membincangkan	Kata kunci	Fokus B1	dan	Kata kunci	Fokus B2

Bahan yang ada 2 fokus (Fokus yang sama daripada kedua-dua bahan/Bahan 1 mengandungi 2 fokus)					
Petikan/Rumusan membincangkan	Kata kunci	Fokus B1B2	dan	Kata kunci	Fokus B1

Bahan yang ada 3 fokus							
Petikan/Rumusan membincangkan	Kata kunci	Fokus B1	Kata kunci	Fokus B2	dan	Kata kunci	Fokus B3

Teknik Menghasilkan Penutup

Kesimpulannya,	Ayat Cadangan	perlu	Ayat Cadangan	agar/supaya	Ayat Harapan
----------------	---------------	-------	---------------	-------------	--------------

PRAKTIS 1

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan sajak.

Bahan 1 – Petikan

Isu kenaikan harga barang yang hangat diperkatakan kini menjadi mimpi ngeri, selain menghantui pengguna yang berpendapatan rendah dan sederhana. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan kebanyakan pengguna membeli barang yang benar-benar diperlukan sahaja. Hal ini disebabkan peningkatan harga barang menghimpit kehidupan masyarakat kerana mereka terpaksa membeli barang keperluan harian dengan harga yang lebih mahal daripada biasa.

Sehubungan dengan itu, sebahagian besar pengguna menyusun strategi perbelanjaan harian semula termasuk belanja dapur yang diharapkan oleh mereka dapat meredakan tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang. Sebagai pengguna, kita sepatutnya dapat bertindak secara bijaksana dengan mengawal perbelanjaan dan menguruskan wang secara berkesan. Para pengguna juga haruslah mentransformasikan gaya hidup dengan mengamalkan perbelanjaan **berhemat**. Perubahan ini pasti dapat dilakukan dengan adanya kesungguhan sekalipun kita terpaksa mengorbankan kebiasaan yang sudah menjadi darah daging seperti mengurangkan perbelanjaan makan di luar, berhenti membeli produk berjenama, dan mengurangkan perbelanjaan bil telefon. Selain itu, pengguna mengambil langkah mengubah corak perbelanjaan harian keluarga supaya perbelanjaan dapat dirancang demi masa depan yang baik.

Setiap pengguna yang bijak akan sentiasa melakukan pemantauan terhadap perbelanjaan yang tidak perlu kerana tindakan tersebut dapat membantu pengguna mengatur perbelanjaan bagi mengelakkan mereka membeli barang yang tidak diperlukan. Langkah ini diperkuuh dengan tindakan menyediakan senarai barang keperluan sebelum berbelanja. Pendekatan yang diambil itu semakin berkesan apabila pengguna tidak terdorong mengikut jejak langkah orang yang mengamalkan gaya hidup mewah. Kejayaan seseorang mengawal perbelanjaan secara berhemat ini akan mengelakkan belian secara **kredit** ketika berbelanja yang menyebabkan pengguna tidak dapat mengimbangi perbelanjaan sehingga berhadapan dengan krisis kewangan.

Sebagai pengguna, kita juga hendaklah berwaspada disebabkan masa ini bukanlah waktu untuk bermewah-mewah. Sebaliknya, kita hendaklah mempunyai pandangan yang jelas bahawa kenaikan harga barang memberi kesan langsung terhadap kos sara hidup. Sebahagian besar kehendak terpaksa dilupakan untuk memenuhi keperluan yang lebih utama dalam kehidupan. Pihak kerajaan perlu mengambil tindakan memantau peniaga dari semasa ke semasa bagi mengawal keadaan tersebut.

>> Bestari Kata

- **berhemat** – berjimat; berhati-hati
- **kredit** – hutang; penangguhan pembayaran

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Berbelanja Secara Berhemat’ oleh Siti Balqis Arif, *Dewan Ekonomi*, Mac 2014

LISAN



Lisan Bertutur

KUASAI / Nota Pintas



Video



Contoh Ujian
Lisan Bertutur
Secara
Berkumpulan

Soalan	Kertas SPM 1103/3 Bahasa Melayu
Kriteria	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian A (Taksiran Individu) yang meliputi: <ul style="list-style-type: none"> Petikan/Bahan rangsangan Empat soalan dikemukakan secara lisan Bahagian B (Taksiran Kumpulan) yang meliputi: <ul style="list-style-type: none"> Satu tajuk daripada lapan tema Terdiri daripada tiga atau lima orang murid (ahli) Aktiviti perbincangan dengan setiap ahli memberikan idea dan respons
Markah	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian A (Taksiran Individu) <ul style="list-style-type: none"> – 40 markah Bahagian B (Taksiran Kumpulan) <ul style="list-style-type: none"> – 30 markah Jumlah markah keseluruhan – 70 markah
Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> Individu – Secara analitik Kumpulan – Secara holistik
Kemahiran yang Dinilai	<ul style="list-style-type: none"> Memahami Mengaplikasi Menganalisis Menilai
Masa	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian A (Taksiran Individu) <ul style="list-style-type: none"> – 3 hingga 5 minit Bahagian B (Taksiran Kumpulan) <ul style="list-style-type: none"> – 12 hingga 15 minit

Panduan Menjawab Soalan Ujian Bertutur Secara Individu

- Satu petikan atau bahan rangsangan akan dikemukakan dalam ujian bertutur. Murid dikehendaki supaya membaca petikan atau bahan rangsangan tersebut dengan teliti.
- Pentaksir akan mengemukakan empat soalan daripada petikan atau bahan rangsangan tersebut. Antara soalan yang boleh dikemukakan seperti yang berikut:
 - Soalan pertama meminta murid memberikan gambaran tentang isu yang terdapat dalam petikan atau bahan rangsangan yang diberikan.
 - Soalan kedua pula meminta murid menceritakan pengalaman yang pernah ditempuhi berkaitan dengan petikan atau bahan rangsangan tersebut.
 - Soalan ketiga pula meminta murid memberikan pendapat tentang kebaikan atau manfaat daripada isu yang dibincangkan.
 - Soalan keempat pula, pentaksir akan mengemukakan satu cadangan tentang isu yang dibincangkan dan meminta murid memberikan ulasan terhadap cadangan tersebut.



Bahagian A Individu



Nota Visual

Tip Penunggang Basikal Berhemah Secara Berkumpulan

PRAKTIS 1 Tema: Kesihatan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Amalan menunggang basikal banyak manfaatnya, misalnya dapat menghilangkan stres selepas penat bekerja meningkatkan sistem imun tubuh, menguatkan otot, mengawal berat badan, dan meningkatkan aliran darah ke jantung. Namun demikian, pada masa yang sama banyak yang bimbang untuk melakukan aktiviti ini kerana risau akan risiko kemalangan. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan jalan raya di kawasan bandar yang tidak mesra basikal. Hal ini ditambah pula dengan sikap pemandu di negara ini yang sebilangan besarnya mengamalkan cara pemanduan yang membahayakan penunggang basikal.

Rakyat Malaysia tidak mengamalkan budaya berbasikal ke tempat kerja kerana jarak kediaman dengan tempat kerja agak jauh. Pada masa yang sama, negara kita juga kekurangan laluan khas kepada pengguna basikal dan parkir khas basikal yang lebih selamat. Cuaca di Malaysia yang tidak menentu turut menghalang warga kota budaya untuk berbasikal. Oleh sebab itu, rakyat Malaysia kurang gemar berbasikal.

[40 markah]

**Bahagian B Kumpulan****PRAKTIS 1 Tema: Kesihatan**

Tip Penjagaan
Kebersihan dan
Kesihatan Diri

Sejak kebelakangan ini, tahap kesihatan dalam kalangan remaja kian menurun. Terdapat remaja yang mengalami masalah obesiti dan ada juga yang mengalami penyakit diabetes. Hal ini berpunca daripada amalan gaya hidup remaja yang kurang sihat. Semakin banyak remaja yang kurang beriadah kerana sibuk dengan alat peranti. Malahan, mereka juga kerap makan makanan yang kurang berkhasiat. Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana remaja hari ini ialah tonggak masa hadapan negara.

Bincangkan.

[30 markah]

[Sila rujuk bahagian jawapan.](#)

PRAKTIS 2 Tema: Warisan Negara

Nota Visual
Permainan Tradisi



Sukan rakyat seperti tarik upih, sepak raga ratus, tarik tali, dan panjat tiang licin semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini. Hal ini satu kerugian kerana sukan rakyat merupakan warisan khazanah bangsa yang bernilai. Banyak nilai murni yang diterapkan dalam sukan rakyat ini seperti sikap bekerjasama, toleransi, dan ketekunan. Oleh itu, usaha-usaha perlu digembung oleh semua pihak untuk menghidupkan sukan rakyat ini semula.

Ulaskan pernyataan tersebut.

[30 markah]

[Sila rujuk bahagian jawapan.](#)



Lisan Mendengar

KUASAI / Nota Pintas

Soalan	Kertas SPM 1103/4 Bahasa Melayu
Kriteria	<ul style="list-style-type: none">Antara empat hingga enam petikan akan diperdengarkan kepada murid.Petikan tersebut boleh terdiri daripada petikan novel, cerpen, syarah, iklan, dan puisi.Bilangan keseluruhan soalan ialah 20 hingga 25 soalan.Soalan terdiri daripada objektif dan subjektif.Jawapan berdasarkan petikan yang diberikan.
Markah	<ul style="list-style-type: none">Jumlah markah keseluruhan ialah 30 markah.Peruntukan markah bagi setiap soalan ditulis di hujung setiap soalan.Soalan objektif biasanya 1 markah.Soalan subjektif biasanya 2 markah.
Kemahiran yang Dinilai	<ul style="list-style-type: none">MemahamiMengaplikasiMenganalisis
Masa	<ul style="list-style-type: none">Masa diperuntukkan selama 30 minit.Sebelum petikan diperdengarkan, murid diberikan masa satu minit untuk membaca soalan.Kemudian, bahan diperdengarkan kepada murid dan diikuti dengan soalan-soalan.Murid diberikan masa untuk menjawab soalan pada kertas jawapan yang disediakan.Semasa bahan diperdengarkan semula, murid diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Panduan Menjawab Soalan

- Sebelum bahan audio diperdengarkan, murid mempunyai masa selama satu minit untuk membaca soalan.
- Murid mesti membaca soalan dalam bahan tersebut dengan teliti untuk mengetahui soalan-soalan yang akan diuji.
- Semasa bahan diperdengarkan, murid diminta supaya mendengar bahan dengan teliti untuk memahaminya.
- Murid dinasihatkan supaya tidak menggunakan masa ini untuk menjawab soalan bagi mengelakkan fokus murid mendengar keseluruhan petikan terganggu.
- Semasa soalan dikemukakan, barulah murid menjawab soalan-soalan tersebut.
- Jawapan haruslah berdasarkan petikan yang diperdengarkan.
- Semasa bahan diperdengarkan sekali lagi, murid harus menyemak jawapan semula, khususnya bagi soalan yang kurang jelas.
- Murid diberikan masa selama 30 saat untuk menyemak jawapan.



>> Kesalahan Lazim

Fokus	Murid tidak memberikan fokus sepenuhnya semasa bahan dan soalan diperdengarkan kepada mereka. Hal ini menyebabkan jawapan yang dipilih dan ditulis kurang tepat.
Masa	Murid tidak menguruskan masa dengan baik semasa ujian ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan.
Keliru akan Format Ujian Mendengar	Murid tidak mengetahui cara pelaksanaan ujian mendengar. Hal ini menyebabkan mereka tergesa-gesa semasa memberikan jawapan semasa bahan diperdengarkan, walhal murid diberikan masa untuk menjawab soalan tersebut semasa soalan dikemukakan.
Aspek Bahasa	Murid menulis jawapan dengan tulisan ringkas yang tidak difahami oleh pemeriksa.



PRAKTIS 1 Tema: Kesihatan




Nota Visual



Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.

- 1.** Lengkapkan rajah yang berikut.



2. Amalan pemakanan seimbang dapat [1 markah]
(i) memastikan tumbesaran tubuh sempurna.
(ii) membekalkan vitamin-vitamin yang cukup kepada badan. [2 markah]

3. Pemakanan seimbang menetapkan kuantiti makanan yang diperlukan oleh tubuh badan manusia sekali gus mengawal obesiti seseorang. [1 markah]

4. Tandakan (✓) atau (✗) bagi pernyataan yang berikut.

(i)	Vitamin dapat menjadikan tubuh kita lebih berdaya tahan.	✓
(ii)	Vitamin yang cukup dapat membantu kita mengekalkan kesihatan badan.	✓
(iii)	Vitamin membekalkan serat dan lemak kepada badan.	✗

[2 markah]

- 5. Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 5.**

Antara yang berikut merupakan pernyataan yang benar tentang amalan pemakanan seimbang, **kecuali**

- A** menjadikan berat badan ideal.
B mencantikkan kulit seseorang.

C membekalkan zat-zat yang diperlukan.
D dapat meningkatkan keupayaan fizikal.

PRAKTIS 2 Tema: Sains Fiksyen

Jawab semua soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

